

NO. SOALAN: 209

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

RUJUKAN : 9179

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan Roneey anak Rebit, seorang Muslim untuk memeluk kembali agama asalnya, agama Kristian dan merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut apabila Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memberikan kebebasan mutlak kepada seseorang itu untuk menganut dan mengamalkan agama pilihannya.

JAWAPAN:

Kerajaan menghormati Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan mengenai kebebasan beragama. Walau bagaimanapun, dalam peringkat awal kes ini selepas diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuching, Kerajaan berpandangan bahawa terdapat isu prinsip undang-undang yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi perlu dibawa ke Mahkamah Rayuan untuk penghakiman.

Walau bagaimanapun, setelah meneliti isu ini dengan lebih teliti, Kerajaan melalui Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah menarik balik notis rayuan pada 3 Mei 2016. Oleh itu, Kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara akan melaksanakan keputusan Mahkamah Tinggi Kuching sebelum ini yang berpihak kepada Roneey anak Rebit.

SOALAN (210)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

SOALAN :-

Y.B.DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada peruntukan yang mencukupi telah diperuntukkan untuk pembinaan tempat pembuangan sampah Teluk Mengkudu, Manjung, Perak dan berapakah jumlahnya.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah merancang untuk membina sebuah Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPS) di Telok Mengkudu, Manjung, Perak bagi melupuskan sisa pepejal sebanyak 400 tan sehari dari Majlis Perbandaran Manjung. Perancangan jangka masa panjang ini adalah untuk 20 tahun bagi menggantikan tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada di Sungai Wangi yang terletak di Daerah Manjung yang mana pada ketika ini telah pun mencapai jangka hayatnya.

Namun demikian, perunding yang mereka bentuk tapak pelupusan ini mendapati keadaan tanah kawasan tersebut adalah tidak sesuai dan lembut di mana perlunya kerja-kerja *ground improvement* dilaksanakan di kawasan berkenaan. Kerja-kerja *ground improvement* ini telah menjadikan kos untuk membina TPS di Telok Mengkudu menjadi terlalu tinggi sehingga mencecah RM100 juta berbanding peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri

(EPU, JPM) iaitu sebanyak RM40 juta sahaja. Oleh yang demikian, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berhasrat untuk membatalkan cadangan pembinaan tapak pelupusan di lokasi ini.

Bagi memenuhi keperluan yang mendesak untuk mewujudkan sebuah Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Daerah Manjung, satu mesyuarat pelarasan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung bagi membincangkan tapak alternatif bagi menggantikan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Mengkudu telah diadakan pada 7 Mac 2016. Mesyuarat telah mencadangkan tanah seluas 140 ekar di kawasan Ladang Le Craft, Changkat Keruing untuk dijadikan tapak pelupusan wilayah untuk menerima pelupusan sisa pepejal dari Seri Manjung, Lumut dan Sitiawan. Majlis Perbandaran Manjung sedang melaksanakan proses pengambilan balik tanah merangkumi carian rasmi, penyediaan pelan pengambilan dan lain-lain urusan yang berkaitan pengambilan tanah.

Setelah pihak Majlis Perbandaran Manjung selesai melaksanakan proses pengambilan balik tanah, Kementerian akan membuat permohonan peruntukan pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal

kepada EPU,JPM di bawah *Rolling Plan 2* (RP2). Kementerian menjangka proses pengambilan sehingga pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal selesai akan mengambil masa selama tiga tahun untuk dimuktamadkan.

Buat sementara ini, Majlis Perbandaran Manjung akan terus menggunakan tempat pelupusan sampah di Teluk Mengkudu sehingga tapak pelupusan di Ladang Le Craft, Changkat Keruing siap dibina kerana tapak pelupusan sedia ada di Sunga Wangi telah pun ditutup kerana telah mencapai jangka hayatnya.

NO. SOALAN: 211

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

RUJUKAN : 9101

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa kebanyakannya kes-kes kecurian kabel telekom di daerah Manjung, Perak dirujuk kepada syarikat telekomunikasi dan tidak disiasat sebagai kes kecurian jenayah, sebagai contoh pada tahun 2015, 526 kes kecurian kabel telefon dirujuk kepada syarikat telekomunikasi dan hanya 22 kes dibuka kertas siasatan polis.

JAWAPAN:

Kecurian kabel elektrik, kabel telekom dan alat-alat logam adalah satu kes yang semakin menjadi-jadi di negara kita sekarang, ianya terjadi kerana permintaan yang tinggi terhadap logam tersebut. Hasil siasatan pihak polis, kebanyakannya kes kecurian berlaku di kawasan yang tidak berpagar, jauh dari kawasan penempatan awam yang mana menyukarkan pemantauan keselamatan dilakukan.

Statistik IPD Manjung berkaitan kes kecurian kabel telefon bagi tahun 2012 sehingga 2015 seperti berikut:-

TAHUN	2012	2013	2014	2015
BUKA KERTAS SIASATAN	7	27	17	22
RUJUK SYARIKAT TELEKOMUNIKASI	108	310	189	526
TIADA TINDAKAN LANJUT	34	9	16	19
LAIN-LAIN REPOT	4	51	32	158
LAPORAN DITERIMA	153	397	254	725

Berkaitan kes yang dirujuk kepada Syarikat Telekomunikasi, ia adalah kerana kes berkenaan setelah dibuat siasatan didapati terdapat unsur kecuaian di pihak syarikat berkenaan dan telah diminta supaya pihak berkenaan mengambil langkah-langkah perlu bagi mengelakkan ia daripada berulang kembali. Di samping itu, pihak PDRM tidak membuka siasatan kes berkenaan kerana jumlah kerugian yang di laporkan adalah terlalu kecil dan memaklumkan kepada syarikat berkenaan tentang hasil siasatan yang telah dijalankan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pihak IPD Manjung sentiasa peka dan mengambil berat setiap aduan orang awam terhadap aktiviti jenayah yang berlaku di Daerah Manjung, termasuk kes kecurian kabel TM. Antara tindakan yang telah diambil berkaitan kes kecurian kabel TM ialah seperti berikut:-

- 1) Rondaan pencegahan oleh anggota balai polis, kereta peronda (MPV), Unit Rondaan Motosikal (URB) dan cawangan jenayah dilakukan setiap hari;**
- 2) Mengadakan program *High Profile Policing* dengan memberi kesedaran kepada masyarakat dan memohon bantuan dari Ketua Kampung untuk menyalurkan maklumat berkaitan kecurian kabel TM di kawasan masing-masing;**
- 3) Membuat operasi dan pemeriksaan di kedai-kedai pembelian barang-barang lusuh bersama syarikat telekomunikasi. Operasi Lusuh akan dilakukan secara berterusan untuk mengambil tindakan terhadap pemilik kedai barang lusuh yang melanggar undang-undang; dan**
- 4) Untuk makluman juga, seramai empat (4) orang saspek telah dibuka fail kes untuk diambil tindakan di bawah POCA Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasaan 2013).**

Setiap laporan kecurian kabel TM yang dilaporkan akan disiasat. Namun begitu kes-kes tersebut tidak diklasifikasi sebagai curi Seksyen 379 Kanun Keseksaan, adalah kerana selepas siasatan dijalankan didapati beberapa perkara seperti berikut:-

- i. Pihak TM lewat membuat laporan polis setelah mendapat maklumat tentang kecurian kabel TM;**

- ii. Pihak TM menunggu sehingga berlaku 2 atau 3 kes sebelum membuat laporan polis;
- iii. Apabila siasatan dilakukan di tempat kejadian, kabel tersebut telah disambung atau ditanam dan oleh itu tidak dapat dipastikan berapa panjang kabel yang dicuri (dipotong) atau adakah betul kejadian berlaku di situ;
- iv. Waktu kejadian sebenar tidak dapat dipastikan untuk pihak polis membuat perancangan bagi pencegahan kecurian kabel yang berkesan;
- v. Kebanyakan kes yang dibuka kertas siasatan adalah hasil kejayaan tangkapan yang dibuat oleh anggota polis semasa membuat rondaan; dan
- vi. Kabel-kabel yang dijumpai di kedai barang lusuh tidak dapat dipastikan milik siapa.